Latihan 4

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "Bilakah _____ akan ke rumah saya?" tanya Husna kepada rakan-rakannya.
   A awak
   B engkau
   C mereka
   D kalian

2. Semua _____ diwajibkan supaya memakai baju kurung berwarna biru sepanjang minggu suai kenal tersebut.
   A mahaguru
   B maharaja
   C mahasiswa
   D mahasiswi

Soalan 3 *berdasarkan gambar di bawah ini.*



3. Puan Ainul berusaha untuk _____ baju-baju tempahan pelanggannya sebelum hari raya menjelang.
   A menyiapkan
   B melangsaikan
   C menghabiskan
   D menyelesaikan

4. Setiap kumpulan dikehendaki membentangkan _____ masing-masing tentang isu pencemaran alam untuk diperdengarkan kepada murid lain.
   A surat rasmi
   B kertas kerja
   C kad ahli
   D buku rujukan

5. Aisya membuat _____ dengan rakan-rakannya untuk berjumpa di taman rekreasi pada hujung minggu.
   A janji temu
   B temu duga
   C soal jawab
   D soal selidik

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B**, *atau* **C** *dan jika* **tiada kesalahan** *telah ditandakan dengan* **D**.

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

6. Saintis itu sanggup menempuh (A) pelbagai cabaran untuk (B) memastikan kajian yang dijalankan (C) berjaya. Tiada kesalahan. (D)

7. Beratus (A) ekor ikan di dalam kolam itu telah dihanyutkan (B) ke laut dalam kejadian banjir pada (C) minggu lepas. Tiada kesalahan. (D)

8. Kejadian buli yang berlaku di setengah (A) sekolah tidak wajar dibiarkan supaya (B) mangsa mendapat pembelaan (C) dan bantuan. Tiada kesalahan. (D)

LIVEWORKSHEETS